

18 NOV 1998

DEWAN; RAKYAT JOHOR DISARAN KIBAR BENDERA TANDA SOKONG PM

JOHOR BAHRU, 18 Nov (Bernama) -- Seorang anggota kerajaan hari ini menyarankan rakyat Johor mengibarkan bendera Malaysia di kenderaan masing-masing mulai esok bagi menunjukkan sokongan padu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Industri Kecil/Sederhana dan Kerajaan Tempatan Negeri, Adam Abdul Hamid berkata dengan cara itu, ia akan menampakkan sokongan kepada Perdana Menteri dan melenyapkan usaha gerakan reformasi.

"Kita mulakan di Johor dulu. Daripada semua peringkat iaitu Menteri Besar, anggota Exco, wakil-wakil rakyat serta rakyat mengibarkan bendera," katanya pada persidangan Dewan Undangan Negeri ketika membahaskan usul tergepar mengutuk sekeras-kerasnya kenyataan Naib Presiden Amerika Syarikat Al Gore yang menyokong gerakan reformasi.

Adam berkata rakyat Malaysia yang inginkan keamanan dan perpaduan hendaklah menunjukkan taat setia mereka dengan mengibarkan bendera Malaysia.

Persidangan disambung esok.

-- BERNAMA

MKO NMO